



BARISAN kontinjen yang akan mewakili USIM pada karnival Sukan Masum tahun ini. USIM yang menduduki tempat ketiga keseluruhan pada saingan fasa kedua tahun lalu memiliki kekuatan dalam acara pencak silat.

Sukan Masum memiliki prestij

KARNIVAL Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) akan membuka tirai secara rasminya malam ini.

Edisi kali ini bakal menyaksikan 4,477 atlet membabitkan 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengambil bahagian pada karnival yang dihoskan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) sehingga 30 Jun depan.

Sebanyak 19 acara sukan akan dipertandingkan pada karnival yang dibahagikan kepada dua

fasa itu. Antaranya, badminton, bola baling, bola keranjang, bola tampar, boling padang, terpin boling, catur, hoki, karate-do,

memanah, olahraga, pencak silat, ping pong, ragbi, sepak takraw, skuasy, sofbol dan tenis.

Bagi mengetahui persiapan karnival Sukan Masum kali ini, ikuti wawancara khas wartawan

Kosmo! Ahad, **HELMI TALKAH** bersama Pengerusi Masum, Profesor Shahrudin Abd Aziz.



Wawancara

KOSMO! AHAD: 'Terima kasih kepada Profesor kerana sudi meluangkan masa untuk diwawancara. Apakah matlamat penganjuran karnival Sukan Masum 2011? Adakah terdapat perbezaan berbanding edisi-edisi sebelum ini?'

PROF. SHAHARUDIN: Sama-sama. Matlamat penganjuran karnival Sukan Masum 2011 adalah sebagai wadah bagi atlet yang mewakili universiti untuk bertanding di peringkat yang lebih tinggi dan bersaing dengan atlet-atlet dari universiti yang lain.

Selain itu, karnival ini juga menjadi medan untuk menilai dan memilih atlet yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi bagi mewakili negara.

Ia sejajar dengan matlamat KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus atlet yang mewakili negara terdiri daripada pelajar IPT.

Secara dasarnya, tidak terdapat sebarang perbezaan dengan edisi yang sebelumnya. Ini kerana tempoh seseorang pelajar berada di IPT dalam lingkungan 4 tahun sahaja. Justeru, karnival seumpama ini menemukan dan mencungkil bakat baru bagi setiap acara yang dipertandingkan untuk diketengah-

kan ke peringkat tertinggi.

MELIHAT kepada perkembangan semasa arena sukan negara, adakah Prof. merasakan penganjuran karnival Sukan Masum ini dapat membantu meningkatkan lagi kemajuan dalam arena sukan negara seperti tema-tema sukan lain?'

MEMANG penganjuran karnival ini ada peranannya yang tersendiri bagi membantu meningkatkan kemajuan arena sukan negara kerana ia menjadi satu lagi medan yang melahirkan bakat-bakat baru. Biarpun dalam bulan Jun ini terdapat beberapa kejohanan sukan yang telah dilangsungkan seperti Sukma (Sukan Malaysia) di Kuala Lumpur dan Kejohanan Sipma di Melaka, karnival Sukan Masum ini membuka ruang dan peluang bagi atlet yang tidak turut serta pada dua kejohanan tersebut untuk bertanding di peringkat

tinggi.

Kita sedia maklum, ada segelintir atlet yang tidak dapat bertanding di Sukma dan Sipma kerana masing-masing terikat dengan peperiksaan di IPT masing-masing. Justeru, karnival ini memberi peluang kepada mereka untuk bertanding dan menunjukkan bakat.

SEPERTI yang kita sedia maklum, karnival Sukan Masum ini melibatkan penyertaan atlet-atlet dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Adakah mereka diberikan pendudukan secukupnya sebelum bertanding memandangkan mereka sibuk dengan pembelajaran mereka?'

ATLET yang bertanding mempunyai masa yang mencukupi untuk mempersiapkan diri bagi menyertai karnival ini. Ini kerana hampir kesemua IPTA yang bakal bertanding mempunyai masa melebihi sebulan selepas menjalani peperiksaan

Sebagai contoh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan kem latihan pusat selama hampir sebulan bagi menyediakan atlet ke karnival ini. Tambahan pula cuti semester di kebanyakan IPT bermula pada minggu kedua bulan Mei.



PROF. Shahrudin yakin Sukan Masum mampu memainkan peranan melahirkan atlet berwibawa untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

